
TINJAUAN AWAL TERHADAP PUNCA-PUNCA YANG MENYEBABKAN REMAJA ISLAM DI MALAYSIA TERLANJUR

Wan Abdul Fattah Wan Ismail^{1*}, Ahmad Syukran Baharuddin¹, Lukman Abdul Mutalib¹,
Nik Salida Suhaila Nik Saleh¹, Zulfaqar Mamat¹, Zuriatunfadzliah Sahdan², Syh Noorul
Madiah Syed Husin³, Mohamad Aniq Aiman Alias¹, & Nurul Syazwani Abdullah Kahar¹

¹Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai,
71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

²Fakulti Sains Kemanusiaan, Jabatan Geografi dan Alam Sekitar, Universiti Pendidikan
Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak

³Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampung Gong
Badak, 21300, Terengganu

*(Corresponding author) email: wanfattah@usim.edu.my

ABSTRAK

Remaja merupakan aset negara yang identitinya mesti dipupuk supaya selaras dengan pembangunan dan tuntutan negara yang bertamadun. Kualiti dan ketahanan generasi muda negara dalam memimpin masyarakat ke arah jalan yang benar menentukan kemakmuran masa depan sesebuah negara. Namun sejak akhir-akhir banyak laporan dari media massa dan elektronik menyatakan bahawa kadar remaja-remaja Islam yang terlanjur di Malaysia amat-amat membimbangkan. Dalam kajian ini, penulis akan membincangkan berkenaan punca yang menyebabkan remaja di Malaysia terlanjur. Hasil kajian mendapati bahawa, adalah sangat penting untuk memahami punca kepada kerosakan remaja pada hari ini demi membendung kepada masalah yang lebih besar. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa antara punca-punca yang menyebabkan remaja terlanjur iaitu antaranya atas sebab kurangnya didikan agama, kurangnya pemantauan daripada ibu bapa dan pengaruh rakan sebaya. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan mengumpulkan data daripada sumber-sumber primer dan sekunder yang kemudiannya dianalisis dengan menggunakan analisis dokumen dan kaedah temu bual di beberapa pusat perlindungan yang terpilih dengan mengkaji punca-punca yang menyebabkan remaja Islam di Malaysia terlanjur. Oleh itu, kajian ini mengharapkan pihak-pihak yang berkenaan terutamanya ibu bapa boleh mengambil usaha yang sepatutnya bagi membendung masalah ini.

Kata kunci: Remaja, punca, keruntuhan sahsiah, ibu bapa, agama, rakan

PENGENALAN

Keruntuhan sahsiah sering dikaitkan dengan kesan pergaulan bebas dan dipengaruhi oleh rakan sebaya yang buruk. Kerosakan akhlak juga disebabkan oleh ibu bapa yang tidak prihatin terhadap tingkah laku anak mereka dan bersosial. Salah satu sebab yang menyumbang kepada keruntuhan moral adalah pendedahan remaja kepada dunia dengan sikap yang kompleks pada usia dini tanpa bimbingan ibu bapa yang betul.

Golongan remaja yang melakukan perkara yang meruntuhkan sahsiah juga dapat dikenal pasti menerusi ciri-cirinya berdasarkan kepada kes penglibatan salah laku dan faktor-faktor penyebab yang mendorong seseorang untuk melibatkan dirinya dalam perbuatan yang salah sehingga menyalahi had toleransi nilai dalam masyarakat khususnya agama (Nazim et al., 2013).

Pembentukan remaja dalam Islam merupakan satu kewajipan bagi semua pihak bermula daripada ibu bapa dan seterusnya kepada pendidik, masyarakat, pemimpin dan yang paling utama adalah remaja itu sendiri. Di Malaysia, jangkaan jumlah remaja adalah separuh daripada keseluruhan rakyat Malaysia dan dengan itu usaha untuk mendidik remaja bukanlah satu tugas yang kecil. Remaja hendaklah diterapkan daripada permulaan fasa dengan cara didikan yang betul menurut Islam. Allah telah mengatakan bahawa Islam merupakan satu agama yang sempurna untuk kehidupan dan sebagai panduan yang sangat efektif untuk kehidupan remaja. Didikan yang sempurna adalah melalui pemahaman Al-Quran dan AsSunnah daripada Rasulullah SAW (Yusoff, 2016).

:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Sungguh, telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (yaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari Kiamat dan yang banyak mengingat Allah.

Sebagai ibu bapa dan anggota masyarakat hendaklah berganding bahu menunaikan tanggungjawab dengan mengambil bahagian dalam aktiviti para remaja, mengenal pasti kesukaran anak, memberi nasihat dan didikan, menyediakan lebih banyak kemudahan, dan selalu mengawasi kegiatan mereka.

Oleh itu, kajian ini akan mengkaji tentang punca remaja-remaja terjebak dengan perkara-perkara yang meruntuhkan sahsiah supaya pencegahan awal dapat dilakukan sebaiknya. Kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif dengan mengumpul data daripada sumber-sumber primer dan sekunder yang kemudiannya dianalisa dengan menggunakan analisis kandungan.

SOROTON LITERATUR

Pada masa lalu, jumlah remaja yang terlibat dalam kes jenayah hanya sedikit, jumlahnya kini meningkat secara mendadak, yang bukan hanya melibatkan ibu bapa dengan remaja yang masih berusia sekolah itu sahaja, bahkan ianya juga memberi kesan kepada masyarakat dan kredibiliti sekolah yang membentuk semangat dan tingkah laku generasi muda (Sharif, Roslan, 2011).

Memahami psikologi remaja mempunyai kaitan dengan proses pembentukan fitrah manusia itu sendiri. Sekiranya remaja terdedah kepada pemikiran, perasaan, tindakan, atau panutan negatif, mereka cenderung untuk dipengaruhi (Zakaria, 1996).

Penulis ada mengatakan bahawa anak-anak, terutama yang berada di peringkat remaja, mengalami banyak krisis seperti perubahan fizikal dan emosi, serta sedang berusaha mencari identiti diri. Peralihan dari zaman kanak-kanak ke dewasa adalah merupakan satu fasa yang sulit, di mana mereka mesti mengubah hubungan mereka dengan orang dewasa secara serentak, sesuai dengan tuntutan masyarakat sekitar, dan mengatasi ketidakmampuan mereka untuk melihat kenyataan atau realiti (Ali, 2007). Oleh kerana itu, remaja hendaklah sentiasa dibimbing dan ditarbiah untuk memahami dan melalui fasa ini dalam keadaan yang baik.

Guru, ibu bapa, dan masyarakat harus sedar bahawa tanpa didikan yang betul, remaja tidak akan tahu menilai dunia di sekitarnya, dan perspektif mereka mungkin bertentangan dengan niat masyarakat. Remaja memerlukan bimbingan untuk memperbaiki tingkah laku mereka kerana mereka adalah modal insan yang mesti digilap dan disuburkan agar dapat menjadi aset berharga bagi negara (Zainal, 2008).

Hal ini kerana, menurut kajian Johan dan Roslan (2011), dorongan untuk mencuba sesuatu yang baru yang tidak pernah mereka lakukan adalah salah satu sebab utama responden terlibat dalam masalah sosial. Penyelidikan ini mendedahkan ciri-ciri yang muncul dalam peratusan yang tinggi dari aspek lain. Perubahan itu berlaku ketika mereka berkembang melalui masa remaja dari segi usia, idea, dan situasi. Ada perkara-perkara yang tidak pernah mereka lihat atau alami ketika melalui proses pembangunan dalam masa terdekat. Hasilnya, remaja akan tertarik untuk mencuba aktiviti baru. Menurut penyelidik lagi, remaja mempunyai jiwa sensitif pada umumnya. Mereka selalu ingin disentuh dan diberi perhatian tanpa berbelah bagi untuk apa sahaja yang mereka capai, walaupun ibu bapa mereka menganggap itu sesuatu yang biasa dan tidak penting. Oleh itu, ibu bapa sangat memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk anak-anak remaja dalam mengalami proses pembangunan diri.

Remaja terdedah dan memerlukan perhatian dan pendidikan ibu bapa. Remaja yang berisiko tidak boleh dibiarkan begitu sahaja untuk mengikuti arus kehidupan di dunia mereka sendiri sebagai unit respons keluarga kecil. Mereka memerlukan bimbingan dan penerapan kepercayaan agama yang dapat berfungsi sebagai panduan untuk hidup berdikari. Latar belakang remaja yang berisiko, sebaliknya, adalah bahawa kehidupan mereka, tentu saja atas sebab diabaikan oleh ibu bapa mereka sendiri, dan ada hubungan renggang antara ibu bapa dan anak-anak (Nazim et al., 2013).

Secara tuntasnya, sekiranya anak-anak muda hari ini tidak tahu bagaimana membentuk dan memartabatkan prinsip mereka, kesan jangka panjang dan jangka pendek pasti akan muncul. Akhlak adalah keperibadian dan refleksi diri seseorang. Sekiranya akhlak seseorang buruk, maka keperibadiannya juga mungkin buruk. Remaja dengan akhlak yang buruk dapat memberi kesan negatif kepada diri mereka sendiri, keluarga, masyarakat, dan negara.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah penyelidikan yang teratur dan tersusun adalah penting dalam membuat sesebuah penyelidikan. Apa yang dimaksudkan dengan metodologi penyelidikan ialah bagaimana seseorang itu mendapat maklumat bagi mencapai sesuatu matlamat penyelidikan. Disini penulis akan berpandukan kepada objektif penyelidikan penulis dalam proses pengumpulan data-data yang berkaitan. Oleh itu data-data yang dikumpulkan hendaklah tidak lari daripada objektif yang telah digariskan.

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Hal ini demikian kerana, kaedah kualitatif berfungsi untuk menerima konteks ini kerana ia berkait rapat dengan sains dan penilaian semula jadi (Lisa Webley, 2010). Selain itu, menurut Patrick dan Linda Jean (2013), pendekatan kualitatif juga dapat memberikan persepsi yang kuat dari tindakan yang telah berlaku dalam konteks kehidupan nyata dan mengekalkan makna yang dimaksudkan dalam membentuk pemahaman tentang proses dan makna sosial yang didasari dalam persekitaran, perniagaan atau pengurusan. Dalam konteks sumber-sumber yang digunakan pula, kajian ini terdiri daripada sumber primer atau utama dan sekunder. Sumber utama adalah seperti ayat Al-Quran dan rujukan daripada buku seperti kamus dewan. Hal ini demikian kerana, data primer ini adalah daripada sumber langsung, boleh dipercayai dan tidak dipengaruhi oleh pandangan luar. Selain itu, data sekunder yang digunakan dalam kajian ini ialah seperti daripada buku, artikel jurnal, laporan, temu bualdi beberapa pusat perlindungan dan penerbitan internet.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Konsep Remaja

Terdapat pelbagai definisi tentang remaja mengikut perkembangan masyarakat dan mengikut beberapa sudut pandangan.

Menurut kamus dewan edisi keempat, remaja dapat ditakrifkan mulai dewasa, sudah akil baligh, sudah cukup umur untuk berkahwin, muda; gadis; puteri gadis yang mulai dewasa (mulai rasa cinta berahi); masa; masa mulai timbul rasa cinta berahi, masa muda-muda; meremaja menjadi remaja: Amnah; meremajakn menjadikan muda, memudahkan; pegawai negeri menggantikan pegawai-pegawai tua dengan pegawai-pegawai muda; keremajaan perihal (keadaan) remaja: seorang gadis yang sedang dalam; peremajaan perihal meremajakan.

Menurut Ismail dan Syed Hassan (2011). Remaja adalah mereka yang beralih dari zaman kanak-kanak (usia 0 hingga 9) ke remaja (umur 10 hingga 18 tahun). Perkembangan remaja peringkat bermula pada usia 10 hingga 12 tahun dan berakhir pada usia 18 hingga 22 tahun untuk anak-anak yang beralih ke peringkat remaja ini (Santrock 2008). Remaja adalah orang yang berumur antara 13 dan 24 tahun. Ini adalah peringkat pertama persiapan dan peralihan seseorang dari zaman kanak-kanak ke remaja dan dewasa. Tidak dapat dipertikaikan bahawa ini adalah salah satu usia yang paling sukar bagi seseorang untuk menghadapi perubahan fizikal dan mental yang berbeza.

Semasa remaja, seseorang menghadapi pelbagai krisis pembentukan dan pembangunan identiti diri. Kegagalan dalam fasa pembentukan identity akan menyebabkan remaja menghadapi krisis kekeliruan. Krisis kekeliruan yang tidak terkawal, ekiranya dibiarkan dan tidak ditangani, krisis kekeliruan kawalan diri pada remaja boleh memburukkan lagi gejala sosial yang sedia ada. Fenomena ini adalah salah satu ancaman kepada sumber manusia yang boleh memudaratkan negara dalam jangka masa panjang. Oleh itu, semua masalah sosial yang dialami oleh remaja harus ditangani agar mereka tidak terus menimbulkan ancaman besar terhadap pembangunan dan kemajuan negara. (Sharif, Roslan, 2011).

Kesimpulannya, masalah daripada kalangan remaja harus dibendung dari awal lagi. Hal ini demikian kerana, remaja amat mudah terjebak dengan masalah seks disebabkan berlaku proses perubahan antara zaman kanak-kanak dengan zaman dewasa. Pada fasa ini juga, emosi remaja agak tidak stabil sehingga mereka mudah terdorong dengan dorongan ke arah memenuhi keinginan seks. Justeru itu, semua pihak perlulah mengorak langkah memainkan peranan masing-masing dalam membendung faktor-faktor ini daripada akar umbi agar masalah ini dapat dikurangkan.

Punca Remaja-Remaja Boleh Terjebak Dengan Perkara-Perkara Yang Meruntuhkan Sahsiah

Dalam era globalisasi, di mana manusia menghadapi dunia tanpa sempadan. Berbagai cabaran, terutama yang berkaitan dengan kesulitan sosial dan kemerosotan moral di kalangan generasi muda remaja, cukup membimbangkan (Ibrahim et al. 2012). Kebimbangan dengan perkara-perkara yang meruntuhkan sahsiah yang berlaku di kalangan remaja merupakan sumber keprihatinan dan keresahan kepada pelbagai pihak, seperti yang dinyatakan oleh pelaporan media cetak dan elektronik.

Kurang Didikan Agama

Pendidikan ini pada dasarnya adalah permulaan proses tarbiyyah yang memerlukan penghayatan dan pemahaman praktik yang tidak bertentangan dengan ajaran-ajaran tersebut. Ini adalah hasil dari jiwa yang sedar dan tidak memberontak terhadap kewajibannya kepada Pencipta Yang Mahakuasa.

Firman Allah S.W.T:

Maksudnya: “Dan dirikanlah solat, kerana sesungguhnya solat itu mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar”
(Al-Ankabut, 29:45).

Pemahaman dan penghayatan yang mendalam terhadap pendidikan agama sangat penting dan ianya merupakan benteng yang kuat dalam menghadapi ancaman dalam bentuk pemikiran dan pengaruh luaran yang menyebabkan remaja mudah terjebak di dalamnya (Ismail, Syed Hassan, 2011). Pengetahuan dan didikan agama dapat menjadi penghalang untuk menjadikan mereka tidak diperbudak kepada gejala moral masyarakat yang berbahaya dan merosakkan dan menjaga mereka tetap dalam keadaan terkawal (Ibrahim et al. 2012). Remaja yang terlanjur kebiasaannya mempunyai latar belakang keluarga yang tidak memberi didikan agama kepada mereka. Agama yang berupaya membentuk jati diri remaja tidak didedahkan kepada mereka sejak awal peringkat umur lagi. Ianya seperti yang dinyatakan oleh salah sebuah rumah perlindungan remaja terlanjur:

Rumah Perlindungan A: Pertamanya, dio kalau kita dapat maklumat, biasanya mereka orang yang jati diri kurang lah. Kebanyakan mereka, pertama nya dari segi didikan agama yang kurang. Yang keduanya, kelemahan diri dia sendiri. Dan yang ketiganya, mudah terpengaruh.

Kurangnya sokongan ibu bapa dalam memimpin anak-anak memahami agama, serta kurangnya aktiviti keagamaan remaja, menjadikan mereka rentan terhadap tekanan rakan sebaya yang negatif untuk terlibat dalam masalah sosial (Aziz et al. 2019). Ianya turut disokong oleh salah satu rumah perlindungan yang lain iaitu:

Rumah Perlindungan B: ...Lepas tu dari segi agama dia, saya tengok rata-rata tak sembahyang. Tak sembahyang tak puasa. Macam tu. Bila kita tanya, sembahyang tak kat luar? Tak sembahyang umi. Berapa kali sembahyang? Kadang-kadang sembahyang kadang kadang tak sembahyang. Pakai tudung tak kat luar? Tak pakai tudung. Dia datang sini, sejak penghuni kita yang masuk, kita pastikan diorang ni bertudung. Jadi, jadi dalam tudung tu, kita tengok, buka tengok, rambut perang, jadi kita tengok Allahuakbar. Rambut perang, bila rambut perang tanda dia selalu bersosial kat luar. Disko kat luar, minum kat luar, dadah kat luar. Ecstasy kat luar. Pil goyang la senang. Dia panggil pil goyang, pain killer, pil goyang. Jadi kita tengok memang dari segi agama diorang ni, memang tersangat-sangat la lemah. Jadi kalau nak kata keterlanjuran diorang tu, penzinaan diorang tu memang mudah la bagi diorang. Haa macam tu. Kalau parti memang suka sangat parti. Dalam tu, kita beri pengawasan, kita jaga dia, tapi masih lagi masih sempat lagi dia buat parti kat dalam. Parti dia memang menakutkan la kat dalam tu. Kalau kita tak pantau dia.

Menurut Ali (2007) mendapati bahawa anak-anak muda yang telah diajar sejak kecil tentang bagaimana cara berpakaian, bergaul, dan bertindak sesuai dengan prinsip agama. Mereka menyedari bahawa ini adalah satu-satunya cara hidup yang dapat menjamin kebahagiaan mereka di dunia dan akhirat. Mereka diajar untuk menikmati kehidupan dengan berfokus pada agama sehingga mereka mencapai usia remaja, pada ketika itu mereka lebih suka hidup bersama pencipta dengan melakukan amalan sunat untuk bertaqarrub kepadaNya. Ini adalah cara yang selamat untuk anak-anak kerana mereka tidak suka bergaul dan bercampur dengan remaja yang liar. Namun, tidak banyak remaja seperti ini.

Ini disebabkan oleh kenyataan bahawa amalan keagamaan adalah faktor terpenting dalam membentuk tingkah laku remaja yang dapat diterima masyarakat. Oleh sebab itu, bimbingan agama adalah tanggapan yang meneliti tentang identiti remaja dari segi memilih antara tindakan atau tingkah laku yang tidak diingini dan tindakan atau tingkah laku positif.

Kurang Pemantauan daripada Keluarga

Anggota keluarga memainkan peranan penting dalam menjaga kestabilan keluarga. Kestabilan keluarga ini, sebaliknya, sukar dijaga dari masa ke masa. Ini kerana penyebab kesibukan dan kemodenan, sedikit sebanyak, mempengaruhi hubungan sesama ahli keluarga, menyebabkan keluarga menderita (Alavi et al., 2012). Komunikasi yang betul sangat penting untuk menasihati dan mendisiplinkan seorang remaja. Remaja akan bertindak agresif jika mereka di didik dengan cara yang salah, dan mereka akan bertindak balas melalui kemarahan dan pemberontakan.

Kajian yang telah dibuat oleh Aziz et.al (2019), memberi tumpuan kepada kegagalan ibu bapa memantau kegiatan seharian anak-anak yang akhirnya memberi mereka kesan bahawa mereka bebas untuk melakukan apa-apa tindakan menyimpang yang mereka inginkan, dan bahawa mereka mempunyai lebih banyak kuasa untuk bertindak di luar garis batas adat. Hal ini kerana, pemantauan ibu bapa yang buruk menyebabkan remaja lelaki dan perempuan terlibat dalam tingkah laku yang menyimpang. Oleh itu, kenaikan usia yang berlaku pada remaja memerlukan pengawasan ibu bapa yang baik tanpa mengira jantina. Dalam hal ini Rasulullah SAW telah bersabda seperti yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a:

Maksudnya: “Setiap bayi dilahirkan dengan fitrah, maka ibu bapanya yang menjadikan ia Yahudi atau Nasrani atau Muysrik”.

Tambahan pula, ketiadaan fungsi ibu bapa pada waktu siang menyebabkan anak terabai dan membuka ruang kepada perlakuan zina. Pusat Perlindungan A memberi contoh kesibukan ibu bapa yang berniaga di pasar malam:


Pusat Pelindungan A: Ataupun kita kata, mak bapa sibuk tu pun masalah juga ni, mak bapa sibuk mencari harta. Keluarga yang terlibat dengan pasar malam. Allah! Jadinya, pagi ibu ayah akan tidur. Tengah hari, petang sibuk nak cari barang untuk jualan di pasar malam. Jadi, di waktu malam tu lah penting sebenarnya.

Menurut Yahaya et.al (2007) di antara tiga elemen, tingkah laku fizikal, verbal, dan anti-sosial, tingkah laku fizikal ibu bapa mempunyai kesan terbesar terhadap tingkah laku penyimpangan remaja, dengan min tertinggi. Tingkah laku keluarga jelas berperanan dalam tingkah laku menyimpang remaja. Tambahan lagi, menurut hasil kajian mengenai perkaitan antara ciri persekitaran rumah dengan tingkah laku menyimpang remaja, terdapat perkaitan yang besar antara tingkah laku ibu bapa dengan tingkah laku menyimpang remaja. Antara contoh tingkah laku keluarga kepada remaja yang mendapat sokongan ibunya untuk meneruskan aktiviti pelacuran kerana wang akan didapati dengan lebih mudah dan cepat berbanding melibatkan diri dengan aktiviti pekerjaan yang lain. Keadaan ini dapat dilihat melalui penjelasan Pusat Perlindungan C iaitu:

Pusat Perlindungan C: Kita ada satu kes budak pelacur la, boleh nak kata pelacur kampung la. Pada dia macam kerja lain tu susah nak dapat duit. So, jual diri dia la, 20 ringgit, 30 ringgit, 50 ringgit, ada yang berhutang lagi. Habis kitaorang ni jugak la, eh tak takut ke AIDS? Sebab pada dia kerja lain tu susah. Sebab bila dia keluar daripada sini, saya tengok dia kerja dekat kedai kain tu kan, tapi pada dia benda tu lambat datangkan hasil kan, dia buat

balik. Lagipun, mak dia sokong dia.

Hal ini, menunjukkan bahawa ibu bapa sangat memainkan peranan yang sangat penting dengan tingkah laku remaja. Rajah 1 menunjukkan bahawa kesan terbesar terhadap tingkah laku remaja yang membawa kepada perkara-perkara yang meruntuhkan sahsiah:



Rajah 1

Tambahan lagi, ibu bapa perlu memantau ciri-ciri psikologi remaja yang perlu disedari iaitu akil baligh. Selain itu, kesukaran untuk memutuskan kerjaya masa depan, tingkah laku yang tidak baik, dan percubaan remaja untuk melepaskan diri dari belunggu kawalan keluarga juga perlu dibendung bersama (Nazim, 2013).

Akhirnya, konsep pemantauan ibu bapa remaja yang mendapat pemantauan ibu bapa yang sepatutnya akan mempunyai peluang yang lebih besar untuk melakukan tingkah laku yang tidak diingini di luar dan di dalam rumah kerana bimbingan yang diberi, dapat diterima secukupnya oleh anak-anak mereka. Pemantauan ibu bapa sangat penting kerana anak-anak cenderung untuk melakukan tingkah laku yang tidak diingini apabila mereka percaya ibu bapa mereka memerhatikan mereka. Hasilnya, jika ibu bapa memerhatikan dan memperhatikan apa yang dilakukan oleh anak-anak mereka, aktiviti luar anak-anak di rumah lebih selamat.

Pengaruh Rakan Sebaya

Remaja lebih suka dan merasa lebih selesa di antara rakan sebaya, dan juga rakan sebaya yang berkawan dengan mereka. Ini disebabkan oleh kekurangan perbezaan usia dan minat. Ini mendedahkan anak-anak kepada pelbagai aktiviti, yang kebanyakannya tidak berfaedah kerana kurangnya pengawasan dan bimbingan dari individu yang lebih dewasa (Ismail, Syed Hassan, 2011). Peserta kajian turut menjelaskan bahawa pengaruh rakan adalah punca utama

yang membawa kepada zina. Rakan akan mempengaruhi mereka untuk melakukan perhubungan tanpa batasan antara lelaki dengan perempuan seperti yang telah dijelaskan oleh Pusat Perlindungan B:

Pengkaji: Okay, seterusnya. Soalan mengenai latar belakang remaja yang terlanjur. Dari segi pengalaman puan, adakah terdapat ciri-ciri tertentu pasangan remaja yang terlanjur? Adakah ciri-ciri tersebut, kita boleh mengenal pasti lah?

Pusat Perlindungan B: Okay kebanyakan mereka adalah kategori kanak-kanak lah. Di bawah Akta Kanak-kanak 2001, memang umur di bawah 18 tahun lah dan di sini, kebanyakan mereka berumur 14 sehingga 17 tahun lah. Dan kebanyakan factor menyumbang ialah dari segi kebanyakannya terpengaruh rakan.

Menurut kajian daripada Alavi et al. (2012), remaja menghabiskan lebih banyak masa dengan rakan sebaya, menjadikan mereka lebih terdedah kepada kesalahan seksual dalam kalangan remaja. Bertemu dengan individu yang mempunyai masalah keluarga yang serupa menyebabkan mereka mencari anomali dalam aktiviti biasa mereka. Hampir semua responden di dalam kajian tersebut mengetahui tentang seks daripada rakan sebaya seawal tingkatan satu lagi.

Di dalam kajian Johan dan Roslan (2011), pengiktirafan daripada rakan sebaya sangat menyumbang kepada penglibatan responden dalam masalah sosial. Responden akan melakukan apa sahaja yang mereka mahu asalkan ianya diiktiraf dan diketahui oleh rakan sebaya mereka. Remaja cenderung melakukan tingkah laku yang serupa dengan rakan sebaya, menurut penyelidik. Ini akan membuatkan mereka membentuk kumpulan mereka sendiri, yang akan mempunyai peraturannya sendiri. Kesannya, responden bebas melakukan apa sahaja yang diinginkan asalkan mereka diterima sebagai ahli kumpulan. Ianya dapat dilihat melalui jawapan yang dinyatakan oleh Pusat Perlindungan D:

Pusat Perlindungan D: Jadi gini, saya di sini ada 30 orang penghuni, 30 orang buat masa ni. Pastu saya tengok dia, dia lebih kurang sama je ciri-ciri dia. Yang pertama dia suka bersosial. Memang dia suka berkawan, best friend, kawan, member. Kadang-kadang saya benci dengan perkataan member member ni. Perkataan member ni sebenarnya dia yang mempengaruhi diri dia sendiri. Pada dia, dia lebih utamakan member dia daripada keluarga, lebih dengar kata member daripada keluarga, kakak, adik, adik-beradik dia. Jadi di sini kita tengok, jenis pergaulan sosial yang aktif. Yang kedua mereka ni suka melepak kat luar.

Pusat Perlindungan D: Kalau saya tengok ahh rakan sebaya ni, memang. Memang dia menjadi satu punca la rakan sebaya ni. Sebab kalau dia memilih rakan yang baik, dia akan jadi baik. Kalau dia memilih rakan yang rosak, dia dengan sendirinya akan terosak. Contohnya macam ni la, kalau saya berjalan dengan orang yang menjual pewangi perfume saya akan wangi tapi kalau saya jalan berkerjasama dengan orang yang buat tembaga apa tu saya akan terkena percik api-api dia. Jadi betul kata-kata tu. Jadi sekarang ni kalau kita berjalan, berkawan dengan orang macam ni. Kita akan mudah terlanjur. Kalau kat sini kita nak cerita satu eh, saya suka cerita ni. Pengalaman di sini, kita tengok di sini ada kes, dia suami isteri dia berkahwin yang lelaki tu memang budak baik. Lepas tu untuk pengetahuan, yang perempuan, perempuan ni adalah penagih dadah. Jadi lelaki ni memang tergoda dengan perempuan, dia lemah iman, sama-sama dia hisap dadah sekarang ni. Jadi dia kata memang

asalnya suami dia memang tak hisap dadah. Disebabkan dia berkawan dengan dia, berkahwin dengan dia, bercinta dengan dia, serumah, sehidup semati dengan dia. Dia sanggup gadaikan diri dia untuk mendapatkan dadah bersama-sama isteri dia. Jadi sekarang ni saya, faktor rakan tu adalah faktor utama.

Tambahan lagi, melalui kajian yang diperoleh melalui Yahya (2011), rakan dalam kalangan pendorong remaja kepada gejala negatif. Ianya kerana remaja gemar memberitahu masalah kepada rakan berbanding ibu bapa dan guru. Bagi remaja, rakan mereka dapat lebih memahami naluri dan perasaan dalaman mereka. Ianya juga disebabkan lebih banyak masa diperuntukkan bersama rakan, antara faktor pendorong remaja terlibat dalam perkara-perkara yang meruntuhkan sahsiah. Penyelidik juga menambah bahawa rakan yang dipilih sangat penting dalam membentuk kehidupan remaja sama ada ke arah positif atau negatif. Rakan yang dipilih ini juga sangat penting dalam mencorakkan kehidupan remaja dengan cara baik atau buruk,

Hasilnya, pemilihan rakan sebaya sangat penting untuk pembangunan diri seseorang. Hal ini kerana, Rasulullah SAW bersabda:

"Teman yang baik dan teman yang tidak baik itu diumpamakan seperti pembawa kasturi dan peniup api, maka si pembawa kasturi mungkin memberikan kasturi itu kepada kamu atau kamu dapat membelinya, atau kamu dapat mencium baunya yang wangi. Bagaimanapun peniup api mungkin membakar pakaianmu atau kamu dapat mencium baunya yang busuk." (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Akhirnya, pemantauan rakan sebaya remaja dan ibu bapa yang baik sangat diperlukan bagi remaja yang telah terdedah kepada perilaku sahsiah yang salah untuk menjadi yang lebih baik dan tidak mengulangnya lagi dengan memberi sokongan kepada mereka.

KESIMPULAN

Akhir kata, dalam membentuk keperibadian mereka, remaja harus dididik, dihargai, dan diberi panduan dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi. Oleh itu, semua pihak mesti bekerjasama untuk mengurangkan isu remaja yang terlibat dengan keruntuhan sahsiah. Remaja sekarang lebih kuat dan mempunyai jati diri yang kuat, yang membolehkan mereka melindungi diri daripada penyakit sosial atas dorongan dan sokongan daripada semua pihak. Sememangnya, remaja adalah individu yang unggul dan berkualiti tinggi yang dapat menjadikan negara yang setanding dan lebih maju daripada negara lain. Secara keseluruhannya, kajian ini diharapkan dapat membantu mereka yang terlibat dalam menangani masalah gejala tingkah laku atau keruntuhan sahsiah yang menyimpang di kalangan remaja, agar generasi masa depan tidak terganggu oleh kerosakan moral.

PENGHARGAAN

Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA) dan

Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS) di atas sokongan yang diberikan melalui geran "Pembinaan Modul Sahsiah Remaja Islam Terlanjur Di Negeri Terengganu" (USIM/TSIS/FSU/LUAR-S/41321).

RUJUKAN

- Adjomi, M. R. (2020). Penggunaan Rakaman Video Sebagai Alat Bukti Elektronik Tindak Pidana Perzinaan Menurut Rancangan Kitab Undang-Undang Hukum Acara Pidana Dan Hukum Pidana Islam. Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta, 1-75.
- Alavi K., Nen S., Ibrahim F., Akhir N. M., Mohamad M. S., Nordin N. S. 2012. Hamil Luar Nikah Dalam Kalangan Remaja. *Journal of Social Sciences and Humanities*. Volume 7, Number 1.
- Ali F. 2007. Masalah Sosial Pelajar Dan Hubungannya Dengan Kemosotot Pembelajaran. *Jurnal Usuluddin*, Bil 25.
- Aziz S., Nen S., Hoesni S. M., Manap J. 2019. Tingkah Laku Devian Dalam Kalangan Remaja Di Semenanjung Malaysia Berdasarkan Faktor Pemantauan Ibu Bapa, Komunikasi Ibu Bapa Dan Religiositi *Jurnal Sains Sosial*. *Malaysian Journal of Social Science*. Jilid. 4 (1) 2019: 93-101.
- Hajjaj M. Sahih Muslim, Kitab Al-Qadar, Bab Ma'na Kullu Maludin Yuladu 'Ala
- Fithrah, (Beirut: Dar Ihya al-Turath al'Arabiyy), Jil. 4.
- Ibrahim F., Sarnon N., Alavi K., Mohamad M. S., Akhir N. M., Nen S. 2012. Memperkasakan Pengetahuan Agama Dalam Kalangan Remaja Bermasalah Tingkah Laku: Ke Arah Pembentukan Akhlak Remaja Sejahtera. *Journal of Social Sciences and Humanities*. Volume 7, Number 1.
- Ismail M. Y., Syed Hassan S. N. 2011. Pendekatan Nabawi Dalam Membentuk Remaja Muslim Sejati.
- Mohd Nazim A., Md Sham F., Hamjah S. H. (2013) Ciri-ciri remaja berisiko: kajian literatur. *Islamiyyat: Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam; International Journal of Islamic Studies*, 35 (1).
- Patrick, Linda Jean (2013). Justification of a Qualitative Methodology to Investigate the Emerging Concept: The Dimensions of Religion as Underpinning Constructs for Mass Media Social Marketing Campaigns. *Journal of Business Theory and Practice*, Vol. 1, No. 2.
- Santrock, J. W. 2008. *Essentials of Life-Span Development*. Kuala Lumpur: McGraw Hill Higher Education.

-
- Webley L. (2010). Chapter 38 Qualitative Approaches to Empirical Legal Research. Oxford Handbook of Empirical Legal Research (pp.927-950) Edition: 1st. DOI: 10.1093/oxfordhb/9780199542475.013.0039
- Yahya M. F. 2011. Keterlibatan Remaja Dalam Lumba Haram di Daerah Larut Dan Matang, Perak: Kajian Daripada Perspektif Pembangunan Insan. Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
- Yahaya A., Baharom B. (2007) Persekitaran Keluarga dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Devian Remaja. Journal of Science & Mathematics Education.
- Yusoff S. S. M. 2016. The Shaping of Adolescence Behaviour in the Ligh of AlBukhari's Al-Hadith: An Applied Study of International University Malaysia Student's Behaviour. Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences. International Islamic University Malaysia.
- Zainal K. (2008) Memahami tingkah laku remaja bermasalah dari perspektif teori tingkah laku, humanistik, psikoanalitik & tret personaliti. MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara, 9.
- Zainudin S., Roslan N. M. 2011. Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. Journal of Education Psychology & Counseling. Volume 1.
- Zainudin S., Mohamad Roslan N. (2011) Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. Journal of Education Psychology & Counseling, 1 (7).
- Zakaria M. G. 1997. Keberkesanan Undang-Undang Keluarga Islam dalam Menangani Masalah Sosial di Kalangan Remaja. Kursus Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam bagi Sesi 1996/1997. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.